

Headline	Kediaman konsep CPTED kurangkan risiko jenayah
MediaTitle	Berita Harian
Date	23 Mar 2016
Section	Letters
Page No	38
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



KESELAMATAN

Kediaman konsep CPTED kurangkan risiko jenayah

Sebagai langkah berkesan mencegah jenayah, pemaju perumahan perlu memberi pertimbangan untuk menjadikan ciri keselamatan dan pencegahan jenayah sebagai sebahagian daripada reka bentuk projek.

Oleh kerana jenayah menjadi isu utama dalam negara, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) menyeru kepada semua yang terbabit dalam industri pembangunan seperti pemaju hartanah, perancang dan arkitek untuk mengguna pakai konsep pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran (CPTED) bagi membantu mengurangkan jenayah di dalam masyarakat.

Konsep CPTED menekankan pendekatan asas bahawa susun atur yang betul dan penggunaan persekitaran fizikal yang efektif akan membawa kepada pengurangan insiden dan ketakutan kepada jenayah yang akan menambah baik kualiti kehidupan.

Strategi dan konsep CPTED telah diguna pakai dengan jayanya di dalam pelbagai pendekatan di seluruh dunia bagi memerangi jenayah.

Jenayah boleh ditangani jika peluang untuk ia berlaku dapat dikurangkan. Antara cara untuk meniadakan peluang penjenayah ialah melalui pelaksanaan konsep CPTED.

Melalui CPTED, perancang bandar dan pemaju hartanah akan menyumbang ke arah pengurangan aktiviti jenayah.

Pencegahan jenayah melalui penguatkuasaan undang-undang kepolisan sahaja tidak mencukupi.

Reka bentuk bersesuaian

Kita memerlukan pihak profesio-

nal dan berkepentingan lain untuk melaksanakan reka bentuk yang sesuai dan penggunaan persekitaran fizikal yang efektif demi untuk mengurangkan peluang perilaku aktiviti jenayah berlaku.

Sebagai contoh, bangunan, rumah, taman, jejantas, jalan dan laluan belakang perlu dan sepatutnya direka bentuk untuk meminimumkan peluang jenayah daripada berlaku.

MCPF sebagai badan bukan kerajaan yang aktif melaksanakan program mempromosi kerjasama masyarakat dan polis dalam pencegahan jenayah menyeru untuk kerjasama lebih besar antara kerajaan dan semua pihak berkepentingan seperti sektor swasta, penduduk, profesional, pihak berkuasa tempatan, penduduk dan pihak tertentu lain untuk memerangi jenayah.

Penggubal dasar, penguat kuasa undang-undang dan pelbagai strata masyarakat mesti bersedia menyahut cabaran demi menjadikan kota raya, bandar dan desa selamat dan harmoni untuk kehidupan.

Usaha yang berhati-hati perlu dibuat bagi mengurangkan jenayah, mengurangkan rasa takut kepada jenayah dan menyediakan kotaraya dan bandar yang lebih selamat di mana aktiviti ekonomi dan kehidupan komuniti dapat berkembang.

Kawal jenayah

Agenda untuk mengawal dan mencegah jenayah menuntut usaha sama daripada semua dalam satu sinergi, kesepaduan dan tanpa menghiraukan penat lelah.

Di bawah program yang diperkenalkan pada 2004 itu, kerajaan tempatan diperlukan untuk menyediakan siar kaki yang berasingan daripada laluan motosikal, membersihkan kawasan yang tidak terjaga dan terbiar, memasang kamera litar tertutup (CCTV) berserta pencahayaan yang mencukupi di laluan siar kaki tempat awam dan cermin keselamatan.

Ini adalah beberapa langkah daripada 15 panduan pencegahan jenayah yang perlu diguna pakai oleh pihak kerajaan tempatan.

MCPF adalah penggerak utama program Bandar Selamat melalui inisiatif Bandar Selamat sejak awal tahun 90-an di mana kini ia telah diestuai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pencegahan jenayah sama ada di bandar mahupun di luar bandar bukan lagi tanggungjawab pihak polis semata-mata.

Semua pihak yang berkenaan seperti pihak kerajaan tempatan, pemaju hartanah, persatuan penduduk dan masyarakat mempunyai peranan penting yang perlu dilakukan untuk bekerjasama dengan polis dalam mengurangkan dan menghapuskan jenayah di dalam komuniti masing-masing.